

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia tetap tidak menghadiri Persidangan Alam Sekitar Bumi di Brazil tahun depan jika mesyuarat itu bertujuan mencari kesalahan negara-negara membangun terutama mengenai soal hutan tropika, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, walaupun rakan sejawatannya dari Britain, Encik John Major mendesak supaya Malaysia hadir, untuk memberikan pandangan, ia tidak memberi bermakna jika tidak ada sikap dan idea positif daripada negara maju.

+Kita tidak mahu mesyuarat itu menumpu kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh negara membangun seperti Malaysia dan tumpuan hanya diberikan kepada soal hutan tropika,+ katanya hari ini.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar sekembalinya daripada menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan lawatan rasmi ke Tanzania.

Katanya, Malaysia akan hanya membuat keputusan untuk hadir jika ada pengakuan daripada negara maju bahawa persidangan itu akan menghasilkan idea positif. -- Lagi

♥29/10/19-52MST

CNS6002

U GB 29-10 00178 BB477

aab

Mahathir - Bumi 2 Kuala Lumpur

' Setiausaha Agung Pertubuhan Alam Sekitar Bangsa-bangsa Bersatu (UNICED) Dr Maurice Strong berkata, di sini semalam bahawa beliau berharap Malaysia akan menghadiri persidangan itu bagi membolehkan negara ini terus menyuarakan pandangan terhadap isu itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata selain pengakuan negara maju untuk memberikan idea-idea positif kepada persidangan itu, Malaysia juga ingin tahu apa yang akan negara-negara itu lakukan untuk memelihara pendapatan daripada kayu kayan dan bukannya setakat memboikot kayu-kayan Malaysia.

+Yang menyebabkan pencemaran alam sekitar bukan sahaja hutan tropika tetapi bahan api yang begitu banyak digunakan di negara-negara maju, penebangan hutan di kawasan beriklim sederhana dan pelbagai perkara lagi yang menyebabkan keadaan alam sekitar tidak baik,+ katanya.

Beliau juga membangkitkan soal jerebu dan menyoal mengapa tidak ada tawaran daripada negara-negara maju untuk menolong mengatasi masalah itu.

+Alasan bahawa mereka tidak dijemput, saya tidak dapat terima kerana tanpa jemputan mereka rajin duduk dengan Penan, rantai diri pada pokok... sekarang ini tolonglah datang untuk atasi masalah jerebu,+ katanya. -- Lagi

♥29/10/21-01MST

CNS6005

U GB 29-10 00114 BB478

aab

Mahathir - Bumi 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Dr Strong bahawa negara-negara membangun mengharap kehadiran Malaysia pada persidangan itu sebagai pemimpin dalam memperjuangkan soal alam sekitar, Perdana Menteri berkata:

+Tidak cukup dengan negara-negara membangun, negara-negara yang dah bangun pun patut juga mempunyai sikap positif terutama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.+

Katanya, ada yang menganggap pertubuhan bukan kerajaan sebagai pertubuhan anti kerajaan dan mereka kononnya lebih pandai daripada semua kerajaan di dunia.

+Tidak ada satu kerja positif yang dibuat oleh pertubuhan bukan kerajaan selain daripada menumpu kepada negara miskin untuk menentukan yang miskin ini akan kekal dengan kemiskinan,+ katanya. -- Bernama